

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Tingkatan	Lima
Masa	80 Minit
Tajuk	Kembara Amira
Genre	Novel

Fokus Utama	10.6	Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa dan sudut pandangan.
	Aras 1 (iii)	Menganalisis karya prosa dan puisi untuk menjelaskan perkara-perkara yang menarik.
Fokus Sampingan	7.2	Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks.
	Aras 1 (ii)	Memberi makna kata dan rangkai kata yang sukar difahami termasuk sinonim, antonim, homonim, polisem, hiponim dan pasangan minimal berdasarkan konteks.

Objektif	Pada akhir pelajaran, murid dapat: i. Mengenal pasti latar masa, tempat dan masyarakat dalam novel. ii. Memberi makna kata dan rangkai kata yang sukar difahami.
Kemahiran Bahasa	Kemahiran mendengar dan bertutur Kemahiran menulis
Sistem Bahasa	Tatabahasa: Morfologi Kosa Kata: Umum: tertancap Istilah: arkeologi, thermoluminescence
Pengisian Kurikulum	Ilmu: Sains, Sejarah Nilai: Keberanian, kasih sayang, kesyukuran.
Kemahiran Bernilai Tambah	Kemahiran Berfikir

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
Set Induksi	<ul style="list-style-type: none">Berdasarkan petikan muka surat 155, guru meminta murid mengemukakan idea berkaitan dengan Pompeii.Guru mengaitkan hasil perbincangan dengan isi pelajaran.		Lampiran 1: Petikan muka surat 155
1	Latar masa, tempat dan masyarakat <ul style="list-style-type: none">Guru membahagikan murid kepada lima kumpulan.Guru mengedarkan Lembaran Pengurusan Grafik (LPG) dan meminta murid mencatatkan peristiwa mengikut latar yang telah ditetapkan.Guru meminta wakil setiap kumpulan melaporkan hasil dapatan kumpulan masing-masing secara lisan di hadapan kelas.Guru membuat rumusan berdasarkan pembentangan murid.	Mencapai Objektif i.	KBT: Belajar Cara Belajar – membaca secara intensif – mencatat nota Lampiran 2/M LPG - Latar Lampiran 3/G KBT: Kemahiran Berfikir-menganalisis
2	Mencari makna kata <ul style="list-style-type: none">Guru meminta murid mencari makna rangkai kata yang diambil daripada novel.Murid merujuk kamus bagi mencari makna rangkai kata.	Mencapai Objektif 2	Lampiran 4/M Rangkai kata

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS**

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
	<ul style="list-style-type: none">• Guru mengaitkan pendapat murid untuk mendapatkan pandangan yang sesuai.		Lampiran 5/G
Penilaian dan Peneguhan	<ul style="list-style-type: none">• Guru meminta murid menjawab soalan yang dikemukakan berdasarkan novel yang dibaca.• Guru membuat rumusan tentang pembelajaran hari ini.		Lampiran 6/M Lampiran 7/G



LAMPIRAN 1

“Kau tahu tentang Pompeii?” Tiba-tiba Itai bersuara. Suara itu sekali lagi melegakan Amira. “Pompeii?” Amira kesal kerana perkara itu ternyata tiada dalam memorinya. Dia cuba mengingatkan kembali perkataan itu, ternyata dia tidak berupaya. Itai menang lagi. Setelah menunjukkan kehebatannya di dalam hutan, kini dia mempunyai soalan yang tidak mampu dijawab oleh Amira.

“Kenapa dengan Pompeii?”

“Sebuah tamadun yang tenggelam dan musnah akibat aliran piroklastik Gunung Vesevius.” Sekali lagi Itai akan bercerita.

“Apa kena mengena dengan soalan saya tadi?”

“Bukan soalan tetapi tujuan kita ke sini. Penduduk Pompeii tidak sempat menyelamatkan diri lalu mati akibat kepanasan debu dan batu gunung berapi. Berpuluh-puluh abad kemudian, pengkaji menemui rangka manusia yang saling bertindih dan memegang pundi yang mengandungi emas. Emas menyebabkan manusia sanggup mengorbankan nyawa sendiri. Okey sekarang Mira lihatlah apa yang ada di bawah tapak kaki!”

(hal. 155)

**KUMPULAN 1**

LATAR MASA	PERISTIWA
Malam	
Pagi	

KUMPULAN 2

LATAR TEMPAT	PERISTIWA
Dalam koc kereta api	
Perkampungan Itai	
Puncak Bukit Mat Raya	

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS****KUMPULAN 3**

LATAR TEMPAT	PERISTIWA
Hutan	
Dataran Tinggi Air Terjun	
Desa Karpus	

KUMPULAN 4

LATAR MASYARAKAT	PERISTIWA
Masyarakat pelajar	
Masyarakat yang berminat mengkaji Sejarah	
Masyarakat bekerjasama	

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS****KUMPULAN 5**

LATAR MASYARAKAT	PERISTIWA
Masyarakat Penyayang	
Pelestarian alam sekitar	
Masyarakat Orang Asli	

**KUMPULAN 1**

LATAR MASA	PERISTIWA
Malam	Kereta api terus menderu membelah malam yang pekat
Pagi	Di situ Amira membersihkan diri lalu bersuci. Dia cepat-cepat mahu mengqada fardu subuh yang tidak dapat ditunaikan di dalam kereta api tadi.

KUMPULAN 2

LATAR TEMPAT	PERISTIWA
Dalam koc kereta api	Perjalanan menaiki kereta api terasa begitu menyeronokkan. Ketika manusia berusaha menjadikan dunia ini kecil dan pantas, gadis manis yang sedang terbaring di koc kelas satu itu lebih menyenangi perjalanan dengan kenderaan darat.
Perkampungan Itai	Amira sampai ke perkampungan Itai ketika matahari hamper terbenam di ufuk barat.
Puncak Bukit Mat Raya	Suasana puncak Bukit Mat Raya terasa begitu sunyi dan aman.

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS****KUMPULAN 3**

LATAR TEMPAT	PERISTIWA
Hutan	Itai mengajak Amira untuk meredah hutan bagi mencari hadiah buat Jacinta. Semasa meredah hutan tersebut, telah terserlah kepakaran yang dimiliki oleh Itai dalm selok-belok hutan.
Dataran Tinggi Air Terjun	Amira dan Jacinta telah menunggu Malique di dataran tinggi air terjun yang membawa kepada insiden Amira tergelincir dan hanyut dibawa arus deras.
Gua	Tau telah menunjukkan Gunung Gua Gajah kepada kumpulan Prof. Zaidah yang mengandungi pelbagai rahsia kewujudan petempatan awal manusia.

KUMPULAN 4

LATAR MASYARAKAT	PERISTIWA
Masyarakat pelajar	Masyarakat pelajar digambarkan melalui pelajar-pelajar tahun akhir Profesor Zaidah yang menyertai ekskavasi menjejak kewujudan tamadun manusia.
Masyarakat yang berminat mengkaji Sejarah	Masyarakat yang berminat mengkaji sejarah digambarkan melalui kumpulan Profesor Zaidah yang disertai oleh Dr. Zawawi, pelajar tahun akhir dan Amira yang sanggup meredah hutan untuk menjejak kewujudan tamadun manusia.
Masyarakat bekerjasama	Masyarakat bekerjasama digambarkan melalui pelajar tahun akhir yang telah bertungkus-lumus dan bekerjasama untuk memastikan projek yang dijalankan berjaya.

**MODUL PENGAJARAN KOMSAS****KUMPULAN 5**

LATAR MASYARAKAT	PERISTIWA
Masyarakat Penayang	Masyarakat penayang digambarkan melalui kasih-sayang antara Amira dan ibunya. Sebagai ibu Prof. Zaidah membelai dan memeluk Amira ketika Amira bersedih kerana Jacinta tidak menyedarkan diri ketika sedang mencari Amira yang dihanyutkan oleh arus.
Masyarakat yang melestarikan alam sekitar	Masyarakat yang melestarikan alam sekitar dapat digambarkan melalui sikap Malique yang sanggup mencipta virus sendiri dalam laporan yang disiapkan semata-mata untuk menggagalkan projek mencari emas O'hara yang boleh memusnahkan hutan tersebut.
Masyarakat Orang Asli	Masyarakat orang asli dapat digambarkan melalui watak-watak seperti Ludin selaku Tok Batin, Tau, Itai dan semua penduduk orang asli yang berada di Bukit Mat Raya tersebut.

**LAMPIRAN 4 /M**

Dengan merujuk kamus, berikan maksud rangkai kata di bawah ini.

RANGKAI KATA	MAKSUD
Berdiam diri dan memendam rasa....	
Unggas bergabung lalu membentuk irama orkestra...(ms 50)	
Bukit telah menelan banyak mangsa... (ms 97)	
Pasir yang berkampuh erat dengan artifak....(ms 191)	
Menghitung kembali segala pengetahuannya.....(ms 255)	



MODUL PENGAJARAN KOMSAS

Tingkatan 5

LAMPIRAN 5/G

Dengan merujuk kamus, berikan maksud rangkai kata di bawah ini.

RANGKAI KATA	MAKSUD
Berdiam diri dan memendam rasa....	Tidak bercakap dan menyembunyikan perasaan
Unggas bergabung lalu membentuk irama orkestra...(ms 50)	Serangga hutan telah bersatu mengeluarkan bunyi yang menarik
Bukit telah menelan banyak mangsa... (ms 97)	Bukit yang telah mengorbankan banyak mangsa
Pasir yang berkampuh erat dengan artifak....(ms 191)	Pasir yang telah melekat dengan barang-barang buatan manusia peninggalan zaman dahulu
Menghitung kembali segala pengetahuannya.....(ms 255)	Mengingatnkan semula ilmu yang dimiliki



Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan sama ada pernyataan di bawah merupakan latar tempat, latar masa atau latar masyarakat.

Situasi 1

Malique bagai kehairanan kerana pekerja baru itu kadanga-kadang menimbulkan misteri. Mereka lebih banyak habiskan masa di dalam hutan daripada di tempat cari gali.

Jawapan : _____

Situasi 2

“Maaf tuan, saya terlambat. Pekerja baru buat hal!” Roslan sempat bercerita ketika menyambar beg di tangan lelaki berkulit putih. “Apa yang telah berlaku?” O’Hara cemas. Baru sebentar tadi dia menaruh harapan yang tinggi terhadap pekerja-pekerja baru agar kerja yang mereka lakukan semakin mudah. Kini perkara yang berlaku sebaliknya pula. “Mereka mabuk dan bergaduh semasa berjudi. Kami tidak dapat berbuat apa-apa. Mungkin mereka orang jahat!” Roslan terus bercerita ketika berpatah balik ke arah kereta. Roslan lebih senang jika O’Hara yang tahu sendiri perkara itu.

Jawapan : _____

Situasi 3

O’Hara tersenyum dengan berita itu. Dia menepuk belakang Jennifer sebagai tanda berbangga. Mereka meninggalkan kawasa desa ketika matahari berselindung di sebalik sudut hutan. Unggas rimba bersahutan.

Jawapan : _____



Berdasarkan situasi di bawah, nyatakan sama ada pernyataan di bawah merupakan latar tempat, latar masa atau latar masyarakat.

Situasi 1

Malique bagai kehairanan kerana pekerja baru itu kadanga-kadang menimbulkan misteri. Mereka lebih banyak habiskan masa di dalam hutan daripada di tempat cari gali.

Jawapan : Latar tempat –hutan

Situasi 2

“Maaf tuan, saya terlambat. Pekerja baru buat hal!” Roslan sempat bercerita ketika menyambar beg di tangan lelaki berkulit putih. “Apa yang telah berlaku?” O’Hara cemas. Baru sebentar tadi dia menaruh harapan yang tinggi terhadap pekerja-pekerja baru agar kerja yang mereka lakukan semakin mudah. Kini perkara yang berlaku sebaliknya pula. “Mereka mabuk dan bergaduh semasa berjudi. Kami tidak dapat berbuat apa-apa. Mungkin mereka orang jahat!” Roslan terus bercerita ketika berpatah balik ke arah kereta. Roslan lebih senang jika O’Hara yang tahu sendiri perkara itu.

Jawapan : Latar masyarakat – masyarakat yang tidak bertanggungjawab/masyarakat yang tidak berdisiplin/masyarakat yang mempunyai akhlak yang rendah

Situasi 3

O’Hara tersenyum dengan berita itu. Dia menepuk belakang Jennifer sebagai tanda berbangga. Mereka meninggalkan kawasa desa ketika matahari berselindung di sebalik sudur hutan. Unggas rimba bersahutan.

Jawapan : Latar masa – senja.



Tingkatan 5

MODUL PENGAJARAN KOMSAS